

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
TARIKH : 02 OKTOBER 2016

# MPSJ, MBSA tentukan juara kategori Terbuka

■ SEREMBAN 1 OKT.

**D**UA wakil dari Selangor bakal berentap dalam perlawanan akhir kategori Terbuka Kejohanan Sepak Takraw KFC-Utusan esok selepas beraksi cemerlang menewaskan lawan masing-masing dalam separuh akhir di Kompleks Sukan Negeri Paroi di sini hari ini.

Dua regu yang akan merebut hadiah paling lumayan itu masing-masing mewakili pihak berkuasa tempatan (PBT) yang berjiran iaitu Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

MPSJ mengejutkan pasukan pilihan Gabungan Sepak Takraw Teluk Paku (Gastep) A dari Terengganu 9-15, 15-11, 17-16.

Jurulatih MPSJ, Nor Hasnim Deli menyifatkannya



Laporan **TAUFEK RAZAK** dan **SYAHIDI BAKAR**

Jurugambar **SHAHJEHAN MAAMIN** dan **SHAIFUDIN MOHD. NOR**

satu kemenangan manis kerana pasukannya hanya diwakili pemain muda sahaja.

"Berbanding lawan yang diperkuatkan bekas tekong kebangsaan, kami hanya mengharapkan keajaiban sebenarnya untuk menang.

"Pada mulanya memang pemain kami gagal menyesuaikan diri de-

ngan tekanan permainan tapi akhirnya mereka dapat mengatasinya," katanya.

Mengenai lawan di final esok, satu lagi cabaran besar buat pemainnya kerana akan berdepan dengan seorang lagi tekong terbaik negara yang mewakili MBSA.

Ternyata apa yang diperkatakan itu benar kerana kejayaan MBSA C mara ke final banyak dibantu tekongnya yang beraksi cemerlang ketika menewaskan wakil Negeri Sembilan, CMZ 15-10, 15-9 dalam satu lagi aksi separuh akhir hari ini.

Ini diakui sendiri jurulatih MBSA, Abd. Rahim Mohd. Adnan yang menyifatkan tekongnya, Mohd. Farid Abd. Aziz banyak memungut mata penting.

"Kami harap dia akan beraksi sama cemerlang di final esok," katanya.

Aksi final bagi semua kategori esok akan berlangsung di Quill City Mall di Kuala Lumpur.